

Tidak boleh lari daripada sentiasa perlu bersaing

Semangat budaya prestasi tinggi

MUKADIMAH

SELEPAS lebih 100 hari meraih kejayaan cemerlang dalam pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac lepas, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkongsi pandangan mengenai langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan setelah mendapat mandat besar daripada rakyat.

Beliau menghuraikan mengenai pelbagai perkara mencakupi hala tuju dan wawasannya, harapan rakyat, ekonomi, agenda bumiputera dan pemilihan UMNO, dalam Program Khas 'Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan menerusi TV1 RTM malam tadi.

Wawancara hampir sejam itu dipengerusikan oleh Datuk Johan Jaaffar dan disertai Pengarang Kumpulan *Berita Harian*, Hishamuddin Aun dan Pengarang Berita Bernama, Ahmad Zukiman Zain.

um-9/7/2004: 780

SOALAN: Dengan mandat yang sebegitu besar, kepercayaan yang sebegitu tinggi, apakah ini bermakna kerajaan pimpinan Datuk Seri akan lebih banyak bersedia mendengar dan memberi peluang kepada pandangan-pandangan berbeza?

ABDULLAH: Saya menganggap bahawa dengan mandat yang begitu besar, ia bermakna harapan begitu tinggi dan mungkin juga ada ciri-ciri tidak sabar, semua hendak melihat sesuatu yang berlaku sebanyak-banyaknya dan dengan secepat-cepatnya. Dan tentu sekali mengambil kira manifesto yang telah dipersembahkan kepada rakyat semasa pilihan raya umum itu.

Jadi saya amat-amat memahami. Maka dengan itu, kerja-kerja sebaik sahaja saya tubuhkan kerajaan ialah memikirkan bagaimana hendak melaksanakan. Tapi sebelum daripada itu, semasa saya sudah pun menjadi Perdana Menteri, sebaik sahaja Dr. Mahathir menyerahkan jawatan kepada saya, pada masa itu sudah mula berfikir tentang hal ini. Idea-idea yang hendak diperkenalkan, pendekatan yang hendak diperkenalkan pada waktu itu, macam pendekatan yang saya kata pada masa itu ialah kita hendak bekerjasama walaupun dah lepas menang, saya kata bekerja bersama saya, bukan untuk saya.

Ini semua *testing ground* sebelum pilihan raya untuk melihat pendekatan-pendekatan yang dapat disenangi oleh rakyat bukan hanya untuk bagi mereka seronok tetapi pendekatan yang realistik, yang boleh membawa kepada perubahan-perubahan yang kita harapkan kerana saya memegang kepada falsafah iaitu kejayaan kerajaan mesti berupa kejayaan yang disertai bersama oleh rakyat.

Rakyat memainkan peranan penting untuk kerjasama, membantu. Kemudiannya dalam manifesto, saya kata ini '*to empower the rakyat, empowerment of the people*'. Dengan itu, maka kerajaan pun, parti pun akan rasa mereka juga bertenaga oleh sebab sokongan rakyat.

Yang keduanya saya memahami saya mewarisi satu kejayaan yang besar, pembangunan negara yang sebelum saya diterajui oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada masa itu, sekarang Tun Mahathir. Pendirian saya ialah apa yang diwarisi ini biarlah dapat dipelihara supaya tidak kekurangan, tidak susut. Tetapi di samping itu, saya mesti pastikan apa yang perlu dibuat ialah mencari *target-target* baru dan berusaha untuk mencapai masa depan yang lebih baik.

Saya lihat Wawasan 2020 ini bukan pada paras yang sama jika pada hari ini, jauh ke depan. Saya lihat 2020 ini adalah target yang jauh ke depan tetapi di atas. Maknanya saya mesti berusaha mencari pendekatan yang akan memberi keupayaan dan daya kepada rakyat dan negara untuk mencapai sesuatu yang kita harap jadi lebih baik.

Maka dari pendekatan-pendekatan ini yang saya warisi, saya kena jaga dan saya kena usaha supaya kita jadi lebih baik, kita akan menokok-tambah kejayaan dan sebagainya maka di situlah lahirnya pandangan-pandangan yang telah saya cetuskan sebelum buat manifesto, dan reaksinya baik iaitu kita mesti mengubah minda dan sikap kita.

Kita mesti mengubah minda dan sikap kita untuk membolehkan kita bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh dan kita mesti bekerja dengan bermatlamatkan kecemerlangan. Kita mesti orang kata *embrace a culture of high performance*.

Rakyat Malaysia semua (mesti ada) budaya prestasi tinggi, kita tak mahu kurang daripada itu. Dengan itu kita mesti mencapai kecemerlangan tapi kecemerlangan belum cukup. Di kalangan yang cemerlang, kita mahu supaya kita jadi yang gemilang dan di kalangan gemilang, kita mesti jadi yang terbilang.

Kalau inilah sikap kita yang berpegang kuat kepada azam dan kehendak untuk menunjukkan prestasi yang tinggi sama ada pelajar di sekolah, pengusaha, peniaga, usahawan, guru, cendekiawan, pentadbir, tak kira siapa tapi semuanya mahu kekayaan, maka saya percaya antara matlamat Wawasan 2020 boleh dicapai lebih awal daripada tahun 2020.

Tetapi dengan sikap yang macam ini yang saya tidak terjemahkan dalam *target* yang spesifik ataupun *volume* ataupun nilai wang yang tertentu tetapi dengan sikap yang ada pada kita, ini yang menjadi cara kita, kita akan dapat pergi lebih jauh daripada 2020. Dia akan berkekalan dengan kita.

Maka dengan adanya sifat cemerlang, gemilang, terbilang, maka sekali gus kita akan menjadi bangsa yang lebih kompetitif, berdaya saing. Mesti ada daya saing, kalau tidak, tak boleh jadi cemerlang kerana sepanjang masa kita mesti bersaing dengan negara-negara lain, tambah pula dalam dunia sekarang dengan globalisasi, liberalisasi, *competition*, bersaing untuk mendapat pasaran, kita tak boleh lari dan dengan itu kita mestilah mengupayakan diri kita, memberikan daya yang lebih kepada kita.

Daripada inilah yang dibawa dalam bentuk-bentuk macam mana nak mengupayakan rakyat, macam mana nak mengupayakan kerajaan misalnya, dan lepas itu macam mana nak mengupayakan sektor swasta.

Kita mahu mereka pegang kuat kepada *good governance*, integriti untuk semua, kewibawaan untuk semua, bersih untuk semua, cekap untuk semua dan kita menghapuskan rasuah, kita juga ketepikan kerenah birokrasi, kerenah-kerenah yang melambat-lambatkan, kita ketepikan.

Maka projek-projek lain kita perkenalkan satu, satu, maka dengan suasana ini, saya harap akan bawa perubahan yang besar kepada minda kita, sikap kita, cara kita bekerja dan dengan kita memperkenalkan satu projek, satu projek, insya-Allah ia akan membawa kejayaan.

Lapan bulan sebenarnya tempoh yang sangat singkat. Apakah dalam tempoh itu Datuk Seri melihat, Datuk Seri berpuas hati dengan apa yang di-hajati atau apa yang Datuk Seri ingin capai dalam tempoh yang sedemikian?

ABDULLAH: Apa yang berlaku dalam jangka masa lapan bulan ini yang paling besar sekali, yang betul-betul memberi macam-macam kesedaran kepada saya ialah keputusan pilihan raya dalam masa itu. Itu ertinya respons rakyat. Dan daripada respons rakyat itu saya sudah memahami bahawa rakyat sedang menuntut dan mengharapkan sesuatu.

Ini sebenarnya yang menjadi tekanan, *it becomes a pressure*. Tapi ada perkara-perkara yang kita tidak boleh laksanakan dengan cepat. Kalau ada *pressure, there is a good feeling*, ya, ia mendesak kita bekerja. Tapi saya tahu nak *implement* semua ini dia kena ambil masa.

Tetapi saya sudah memulakan apakah yang kita perlu capai kemudian sama ada yang hubung kait dengan memerangi rasuah, yang hubung kait dengan meningkatkan kecekapan, mengurangkan kerana sama ada dengan langkah membina integriti, sama ada ia ada hubung kait dengan kita adakan program-program untuk mencapai *good governance, transparency, disclosure*, ini kita buat di pihak swasta, kita dah mula.

Tapi apa yang mula hari ini atau mula dalam masa tiga bulan ini, mungkin tidak akan menunjukkan sesuatu yang boleh dilihat dengan nyata. Fasal sekarang ini kalau kita katakan fasal pejabat daerah, memang kita dah *reduce* dia punya *backlog*, kerja tertunggak, khususnya dalam bidang penukaran *title* yang dulu begitu banyak beribu-ribu, 63 peratus telah pun kita selesaikan.

Juga ada *improvement* dari segi khidmat kaunter. Tapi saya nak supaya kita dapat lihat dengan lebih jelas sekali. Untuk polis, memang kerja besar ialah kita dapatkan (wujudkan) Suruhanjaya Diraja Polis dan saya sangat-sangat mengharapkan suruhanjaya ini dapat memberi perakuan yang tegas kepada kita. Usaha sekarang ini untuk memperhebatkan lagi pembangunan pertanian moden. Ini pun telah dimulakan. Pendidikan, semua kita dah mula. *It's set*.

Orang kata kalau nak lari, sama ada lari 100 ela atau lari maraton, kita dah tiup wisel dah. Tapi satu perkara, Alhamdulillah saya rasa senang juga, ialah dengan ekonomi yang defisit itu, kita dapat menanganinya supaya nanti defisit itu tidak akan bertambah dan kalau bertambah defisit itu nanti semua orang susah hati dan mungkin *rating* bagi negara kita akan turun. Dan kalau dah turun, pelaburan pun tak akan datang, perniagaan akan menjadi lembap.

Saya telah menyatakan kita akan cermat dan kita akan berhemah supaya kita jaga (kawal) defisit kita. Di samping itu kita jaga supaya jangan sampai kita belanja tak ambil kira tentang defisit itu kerana ini akan membawa mudarat kepada kita. Ataupun jangan sampai kerana terlalu takut, kita kurangkan, jangan belanja itu, jangan belanja ini, semua kurang, kurang, kurang, kalau begitu, ini bererti akan berlaku pula ekonomi kita akan mengecut, *there'll be a contraction of the economy*, dan ini akan membawa pula kepada akibat yang tidak baik kerana ekonomi tak berkembang.

Jadi kita ambil pendekatan, okay, kita buat secara progresif, kita kurangkan dan di samping itu kita mesti keluarkan belanja juga. Kita mesti belanja dengan berhemah. Ini mesti. Dan nak buat itu pun mengambil masa yang cukup lama sebab kita nak susun atur balik, kita nak tengok balik macam mana, ada yang dah dapat surat LOI (surat jemputan) tiba-tiba tak dipanggil, apa dah jadi ini, kerana nak bankrap ke, yang dapat *letter of award* (LOA) pun tak boleh buat kerja lagi. Apa fasal ni, adakah kami nak kena *cancel*. Macam-macam yang saya dengar. Tak apalah. Kita bersabar. Kita ni jadi tukang, orang dok tengok, apa ni tak jadi lagi, belum jadi apa.

Semalam saya dah umumkan RM8.5 billion kerja-kerja yang akan kita laksanakan dan ini, dengan wang yang kita ada, Alhamdulillah kita dapat (laksanakan), dan defisit kita tidak membimbangkan. Dan pada waktu ini saya masih nyatakan ada *good feeling*. Sebab itu ekonomi kita dalam suku tahun pertama 7.6 peratus dan suku tahun kedua ini masih ada harapan untuk mencapai pembangunan yang lebih dari tujuh peratus, insya-Allah.

Ada yang bertanya betulkah kera-



ABDULLAH AHMAD BADAWI

jaan ada duit lagi?

ABDULLAH: Ada, duit ada tapi kita seboleh-bolehnya berhemahlah dalam kita membelanjakan.

Dalam pilihan raya lalu, satu faktor ketara ialah *the feel good feeling* dan Datuk Seri baru menyebut tentang cabaran-cabaran yang perlu dihadapi yang memberikan *expectation* kepada rakyat. Bagaimanakah kerajaan akan mengorak langkah seterusnya?

ABDULLAH: Saya bayangkan tadi apa yang kita dah mula sekarang ini, dah mula beberapa program, dan program ini akan berterusan untuk masa yang lama. Kalau kita katakan tadi dari segi hendak meningkatkan kecekapan pentadbiran bukan hanya dari segi prosedur kena diperbaiki. Manusia itu sendiri, mereka yang bekerja itu pun, kena diberi latihan semula dan ditunjukkan apakah dasar-dasar baru yang kita laksanakan, mereka perlu fahami.

Dan dalam *education* pun kita dah mula, umpamanya, kita sekarang hendak adakan sekolah bestari, kita nak kena bina, bina, bina. Tak ada duitlah kita nak bina semua dan ini mengambil masa yang panjang. Jadi saya kata tak usah bina lagi dah. Jangan bina lagi tapi kita nak bestarikan, kita nak *make the present schools smart*. *We don't have to build new schools and call them smart schools. But make the present schools smart.*

6 Rakyat Malaysia semua (mesti ada) budaya prestasi tinggi, kita tak mahu kurang daripada itu. Dengan itu kita mesti mencapai kecemerlangan tapi kecemerlangan belum cukup. Di kalangan yang cemerlang, kita mahu supaya kita jadi yang gemilang dan di kalangan gemilang, kita mesti jadi yang terbilang ●

Jadi dengan peruntukan yang banyak yang telah kita sediakan untuk kita bina sekolah bestari itu, maka peruntukan yang sama itu juga boleh digunakan untuk membekalkan infrastruktur, kemudahan ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) dan yang lain lagi yang kerananya sekolah yang ada sekarang akan jadi sekolah bestari. Itu satu contoh.

Dan keputusan-keputusan yang dulu yang dibuat masa zaman Tun Dr. Mahathir, sains, hisab, itu pun mesti dijayakan. Ia mengambil masa tapi kita nak laksanakan semua itu. Kita tak nak tinggal. Di samping itu, kita nak perbaiki lagi kurikulum. Di bidang pertanian pun saya dah mula.

Dulu, bila saya mula bercakap tentang pertanian, orang kata apa ni Pak Lah cakap fasal pertanian. Mengapa pilih pertanian. Kita cakap sektor perkilangan, sektor pembuatan, ni pi cakap fasal sektor lama ni, sektor yang dah tak berdaya maju. Itu salah. Pandangan itu pada waktu ini berupa satu kesalahan yang besar.

Kalau pada waktu ini, dengan adanya teknologi, bioteknologi yang boleh digabung dengan ICT, yang boleh digabung dengan program mekanisasi, dengan kita menggunakan jentera di kawasan ladang, maka ia akan dapat menghasilkan hasil pertanian yang lebih banyak, lebih tinggi mutunya dan sekali gus akan membawa

kepada kemungkinan untuk menjayakan industri kecil dan sederhana.

Tapi nampaknya hanya semacam revolusi dalam bidang pertanian sahaja yang boleh mengubah corak pertanian negara Datuk Seri.

ABDULLAH: Saya dah nampak dia akan jadi begitu. Saya ingat dia ada beberapa perkara. Pertanian berkemampuan mewujudkan sumber-sumber pendapatan baru, pendapatan tambahan, kekayaan baru. Dua, dengan adanya program industrialisasi bagi asas tani, *agro-based industrialisation*, untuk mewujudkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME), apa maknanya?

Maknanya, ini ada pendapatan tambahan, ini ada kekayaan baru dan yang lebih penting pada saya ialah orang di kawasan luar bandar yang terlibat dengan pertanian sudah dibawa untuk masuk ke bidang industri kecil dan sederhana.

Lagi satu, dalam konteks nak meramikan orang Melayu, bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian, maka apa yang kita lakukan dalam pertanian seperti ini sekali gus akan meramikan bumiputera yang jadi pedagang dan yang terlibat dalam perusahaannya kecil. Jadi kita sudah membuka satu perubahan dari segi ini.

Dan lagi satu bila kita gunakan pendekatan yang saya katakan tadi, pendekatan bioteknologi dan ICT, maka hasil barang-barang akan jadi lebih baik. Baru-baru ini saya merasmikan Agri-Bazaar yang membolehkan pengusaha di kampung, dia tunjuk satu demonstrasi usahawan wanita, dia buat kerepek ubi tapi setelah diajar supaya dibungkus dengan baik, nampak kemas, cantik, menarik dan bersih dan kualiti kerepek ubi pun baik, dan diajar pula bagaimana hendak dipasarkan dan pemasarannya itu dibuat dengan menggunakan komputer, dan dia ada *webpage*, dia *demonstrate* kepada saya menunjukkan senarai *departmental stores* atau supermarket yang menjadi pelanggan. Mereka dah tahu di mana dia ada dan mereka terus *order straight* pada dia.

Jadi bila saya diberitahu oleh Tan Sri Muhyiddin (Yassin, Menteri Pertanian dan Asas Tani), dia kata, Pak Lah tahu tak nilai jualannya mencecah RM1 juta. Maka inilah, guna komputer, guna kaedah-kaedah lain, nanti kemudian dengan bioteknologi boleh jadi kualiti ubi kayu lebih baik lagi, maka nilai hasil akan lebih tinggi.

Dan kita akan gunakan pendekatan yang sudah jadi model dan contoh ini untuk barang-barang lain. Maka wanita ini, kalau dulu suaminya setakat berkebun ubi kayu, jual ubi kayu di tepi jalan, sekarang dia sudah menjadikannya bahan yang boleh dijadikan asas industri. Mereka sudah menjadi pengusaha kecil sekarang ini, bukan lagi pak tani, tapi pengusaha kecil. Lepas itu peniaga, dan bila dia dah ada pendapatan tambahan, dia ada kekayaan baru, dia sudah ada industri.

Kalau orang seperti ini diramikan lagi bilangannya, sekarang pun dia orang dengan bazaar agro pun dah ada dekat 800 orang, dan diramikan lagi, maka sekali gus kita akan melihat bahawa kawasan luar bandar itu dimodenkan.

Weakest link kita dari segi pertanian ini adalah aspek pemasaran. Ini masalah yang harus ditangani untuk memungkinkan petani kita mendapat pulangan lebih baik.

ABDULLAH: Hari ini kita dah mula mengupayakan, meningkatkan daya usaha mereka di luar bandar. Tapi benda ini adalah untuk semua, bukan hanya untuk Melayu, untuk semua rakyat tanpa (mengira) keturunan, tanpa (mengira) agama. Tetapi kawasan luar bandar ini ialah kawasan yang diketahui (mempunyai) ramai orang Melayu, orang bumiputera yang ramai terlibat dalam sektor pertanian yang kita sedang berusaha untuk memodenkan.

Datuk Seri *passionate* tentang isu yang membabitkan soal rakyat jelata ini, dan saya nak kaitkan sikit dengan usaha untuk meningkatkan kemampuan atau kupayaan ekonomi orang Melayu. Apakah Datuk Seri berpuas hati dengan pencapaian rata-rata orang Melayu selepas Dasar Ekonomi Baru, misalnya, pada peringkat sekarang?

ABDULLAH: Setakat ini ada juga kejayaan yang kita peroleh. Kalau masa dulu, orang katakan kita tidak nampak adanya masyarakat peniaga dan pengusaha bumiputera, sekarang ini kumpulan itu telah pun muncul. Soalnya apakah kita boleh lakukan untuk mengupayakan mereka lagi supaya nanti mereka akan jadi lebih besar dan mereka akan lagi lebih berdaya maju, dan yang pentingnya mereka, dengan itu, boleh bersaing dan tanpa tongkat selama-lamanya.

Saya dulu kata dah buanglah tongkat tu, maknanya bantu tak habis-habis bantu. Mereka sudah mampu. Dan hari ini sudah ada syarikat-syarikat bumiputera yang tak perlu lagi kepada sebarang bantuan. Kita nak meramaikan golongan ini. Saya tidak katakan hak-hak tertentu yang telah diberikan kepada bumiputera berasaskan kepada dasar-dasar yang kita sudah dan sedang laksanakan, saya tak kata buang, buang, buang, jangan lagi pakai. Tidak. Masih boleh digunakan tapi di samping itu, kita hendak mereka yang mampu berusaha, yang mampu jadi lebih berjaya lagi, *try to be on your own*. Pastikan dapat berusaha dengan sendiri. Yang inilah apa yang saya hendak sangat.

Jadi kita sekarang ini sudah sampai ke satu peringkat kita nak meramaikan kumpulan masyarakat Melayu yang terlibat dalam perniagaan, biarlah ramai peniaga-peniaga dan pengusaha sendiri, bukan hanya nak meramaikan ejen-ejen komisen sahaja.

Ejen komisen ini dalam erti kata sebenarnya bukan peniaga, bukan pengusaha kerana dia hanya menemukan, membantu dan dapat menjayakan projek ke, tender ke, maka dengan itu adalah komisen. Ini juga satu bisnes, saya tidak kata ini bukan bisnes, saya tak kata bukan bisnes ini tak baik, tapi kita tak bolehlah nak mewujudkan masyarakat Melayu yang terdiri daripada orang yang berniaga ambil komisen semata-mata.

Kita mahu mereka jadi peniaga yang *solid*, yang dibina atas keusahawanan, *entrepreneurship*. Itu akan jadi lebih kekal, dia tak bergantung kepada orang lain. Jangan bergantung kepada orang lain. Kalau orang lain tak berniaga maka dia tak adalah komisen. Itulah arah yang kita tuju. Insya-Allah, kita akan dapat lihat betul-betul *solid, very entrepreneurial Malays*, Melayu yang berjiwa usahawan.

Ada dua pengumuman besar yang Datuk Seri buat yang seharusnya menggembirakan ramai. Satu, untuk meningkatkan perbelanjaan pembangunan untuk Rancangan Malaysia Kelapan. Terbaru, Datuk Seri mengumumkan projek bernilai RM8.5 bilion. Ada dua soalan, pertama kita masih mendengar rungutan kontraktor bumiputera, khususnya, mereka kata bayaran masih lambat, kedua kontrak tidak sebanyak dulu. Ada juga satu golongan melihat Datuk Seri sering membuat pengumuman besar yang seolah-olah melihat Datuk Seri mengambil pendekatan *populist*. Bagaimana Datuk Seri hendak menyangkal tanggapan sebegitu?

ABDULLAH: Jadi ini orang kata kalau ambil pendekatan *populist*, dia tidak ada niat nak belanja, nak berusaha, itu bukan pendekatan. Selama-lama saya tak setuju dengan pendekatan *populist* itu. Tetapi kalau kita mengumumkan sesuatu yang kita nak buat kerana orang rasa senang dan program itu akan menjadi program yang popular, bukan saya yang popular. Itulah yang saya kehendaki sangat.

Dalam hal ini juga, memang baru-baru ini Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Datuk Rahman Mydin beritahu saya RM120 juta bil yang tak dibayar lagi. Kenapa jadi macam ini? Fasal apa tak bagi tahu dekat saya? Kita tak tahu kalau kawan nak bagi tahu. Saya terus cakapkan kepada Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Menteri Kewangan Kedua).

Saya kata anda beritahu kementerian mana yang bertanggungjawab. Dia beritahu kementerian mana yang bertanggungjawab. Saya tanya mengapa jadi begini. Adakah mereka kekurangan dana? Walau bagaimanapun, saya kata anda bayar dulu daripada Perbendaharaan. Selepas itu, soal masalah kementerian, kita berhubung dengan kementerian. Jangan cuba nak menyelesaikan dengan kementerian dan melambatkan pembayaran. Selepas tiga hari, dia kata sudah bagi semua. Kementerian berkenaan dah bayar... *should be alright* dah.

Tetapi takkan setiap masa Perdana Menteri yang harus membuat keputusan seperti itu?

ABDULLAH: Itu dah jadi *micro management*. Kalau nak *micro management* urus semua itu, tak terbuatlah. Kita nak buat projek pertanian untuk bumiputera. Bumiputera akan ada bahagian yang cukup besar. Fasal banyak mereka terbabit dalam pertanian. Dan mereka akan ada peranan yang besar dalam hal ini. Program mengindustrialisasikan usaha dalam bidang pertanian, menjadikan mereka peniaga dan pengusaha. Alhamdulillah.

Mengenai RM8.5 bilion, itu selepas saya susun balik. Kita nak senaraikan balik mengikut keutamaan. Kita nak belanja sekarang ini, dengan program yang kita tambah RM10 bilion termasuk projek yang kita laksanakan, projek yang akan dapat mewujudkan faedah sampingan, keuntungan dan di samping itu juga dapat menyumbang ke arah menjana pertumbuhan ekonomi.

Kekuatan UMNO dukung kerajaan

Dari muka 7

Kita bercakap soal keupayaan ekonomi bumiputera, kita harus menerima hakikat bahawa *total equity market* masih mencatatkan keadaan yang belum dapat kita banggakan berbanding kaum lain dan sebagainya. Apakah Datuk Seri merasakan ini agenda Melayu yang mesti diteruskan. Dan apakah Datuk Seri akan membuat satu kenyataan polisi mengenai aspek ini?

ABDULLAH: Ada lagi perkara lain yang nak saya laksanakan dari segi membantu meningkatkan lagi apa yang dipanggil ekonomi Melayu. Sebenarnya kita tak perlu panggil ekonomi Melayu dan bukan Melayu tetapi oleh sebab orang Melayu bumiputera itu suatu golongan yang agenda untuk penyusunan semula masyarakat dalam Dasar Ekonomi Baru itu sampai ke hari ini masih tak tercapai lagi kerana kita melalui perubahan, persaingan dan macam-macam.

Dalam masa tahun 70-an sampai sekarang, berapa kali berlaku kemelesetan ekonomi selepas itu berlaku pula krisis mata wang. Krisis mata wang itu sebenarnya telah menurunkan peratus penyertaan bumiputera dalam perniagaan. Jadi, syarikat bumiputera menguncup, peratusnya turun balik. Jadi, kita kena berusaha.

Pada saya, memang kita kata penyertaan itu akan saya usahakan dan akan menganggap apa yang saya usahakan mulai pertanian dan lain-lain lagi akan menjadi lebih hebat lagi. Kita sekarang tengok pula industri yang ada di kampung dan yang ada kaitan dengan pertukangan dan kraf tangan.

Sekarang saya tengok batik (ada potensi). Walaupun (promosi) batik bukanlah saya yang usahakan, ini isteri saya (Datin Seri) Endon (Mahmood). Sekarang saya tengok batik banyak melahirkan bumiputera yang berjaya. Macam mana nak bagi nilai yang lebih, macam mana nak membusi pasaran.

Sebab itu saya katakan batik Malaysia bukan hanya sekadar untuk dipasarkan

dalam negeri kita saja. Ia sepatutnya dijadikan satu *international brand* yang dipasarkan di bawah apa yang sekarang ini sudah ada minat, apa yang dikatakan *ethnic product*, sudah menjadi satu perkara yang diminati oleh pasaran dunia (seperti) etnik fesyen, fabrik dan macam-macam lagi. Batik itu sebenarnya adalah kita. Rakyat Malaysia lain pun sudah pun menggunakan batik. Sudah jadi batik Malaysia. Jadi, yang lain-lain lagi itu tampillah.

Orang kita macam-macam boleh buat. Tetapi masalah yang kita lihat ada kebolehan bertukang tetapi dia punya Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) tak cukup. Dari segi nak *design* tak berapa pandai lagi. *Commercialisation* lagi teruk, mereka tidak ada kemampuan dalam hal ini. Jadi macam mana? Pandai tu pandai.

Dan saya sudah bercakap dengan pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan kita bersetuju untuk wujudkan program yang dipanggil 'Tunas Mekar'. Ambil usaha yang ada, yang pandai saja tetapi untuk nak mengurus, membuat perniagaan, pemasaran tak tahu. Kita ambil pelajar lulusan UiTM dalam bidang pengajian yang berkaitan pengurusan perniagaan, pemasaran, kita bentukkan kerjasama.

Katalah Pak Din dengan produk baru. Kita harap anak muda yang telah pun diperkenalkan dengan Pak Din ini dan dilahirkan minat, dialah yang menjadi pengusahanya, membesarkan perniagaannya. Kita ambil contoh komputer 40 tahun dulu. Tetapi apabila anak pengusaha itu balik, dengan kebolehan, kelulusan dia dalam bidang kejuruteraan, dia yang menjadi pengusaha bapa dia.

Ada juga anak-anak hari ini yang memperbesarkan perusahaan bapa dia (lalu) menjadi lebih hebat. Anak dia kemudian akhirnya menjadi usahawan yang besar. Mengapa anak orang kita tak dapat lihat pekerjaan bapanya. Dia tidak tengok di situ ada kekayaan, peluang yang besar di masa hadapan. Bapanya juga tidak nampak perniagaan kecilnya itu boleh dibesarkan. Dia lebih suka anaknya jadi kerani, pengurus. Tak payahlah kerja macam bapa, nak habiskan sisa hidup.

Orang kita macam-macam boleh buat. Tetapi masalah yang kita lihat ada kebolehan bertukang tetapi dia punya Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) tak cukup. Dari segi nak *design* tak berapa pandai lagi. *Commercialisation* lagi teruk, mereka tidak ada kemampuan dalam hal ini. Jadi macam mana? Pandai tu pandai

Mesyuarat peringkat Bahagian UMNO bermula hari ini dan apakah yang Datuk Seri harapkan serta nasihat kepada ahli parti?

ABDULLAH: Saya harap supaya pemilihan parti ini berjalan dalam suasana yang baik. Kita mahu UMNO itu kuat dan bersatu padu. Kita baru lepas pilihan raya umum. Untuk nak melaksanakan apa yang kita janjikan kepada rakyat dalam pilihan raya, kita perlu kekuatan... kekuatan kerajaan yang disokong dengan kekuatan parti. Kalau kita bermasalah dalam parti, berdebat semasa diadakan pemilihan dalam parti, ini melemahkan kita, melemahkan parti, melemahkan kerajaan.

Kalau UMNO lemah, boleh melemahkan Barisan Nasional (BN) juga. Jadi tentulah mengecewakan rakyat. Saya keliru (kata rakyat), *we give you mandate*, mandat lebih besar, sampai dah lupa nak beri perhatian kepada negara, macam mana? Orang dok tunggu, apakah dengan mandat yang besar yang diharapkan itu, UMNO ni bekerja (atau) tak nak memikul

tanggungjawab seperti diamanahkan. Adalah orang yang bercakap macam itu, (yang) kata Pak Lah, *what's happening?* Saya kata, pemilihan dalam parti mesti dilakukan yang tidak boleh ditangguh, dibatalkan.

Cuma saya harap, ikutlah peraturan, buatlah dengan baik, ikut perlembagaan kita supaya tidak ada kacau, gaduh apa-apa. Janganlah nanti kalau dah bergaduh dalam parti, pemilihan parti dah selesai, semua selesai...kesan buruk kesan pemilihan berkelahi lagi, bergaduh lagi. Yang saya bimbang satu iaitu SMS (khidmat pesanan ringkas), dengan surat layang, e-mel dan macam-macam, reka cerita yang tak habis-habis, cerita yang bukan-bukan hanya semata-mata kerana nak menang dalam pemilihan dengan melemparkan tuduhan yang bukan-bukan.

Perbuatan ini tak baik. Kalau ini fitnah, rosaklah semuanya. Itu dah tak baik. Kalau rasuah diselesaikan tetapi permainan politik dibiasakan membolehkan /kerja-kerja yang macam ini, *character assassination*, menyebarkan fitnah, reka cerita hanya nak melingkupkan orang yang dianggap sebagai lawan, maka akhirnya tidak ada apa yang baik.

Dalam menghadapi pertandingan, kita lihat ada pelbagai reaksi misalnya di peringkat bahagian. Ada yang menerima baik pertandingan, malah ada yang merengek, rasakan tidak harus dicabar, tidak harus ada pertandingan kerana barangkali kedudukan dalam kerajaan dan sebagainya. Apakah pandangan Datuk Seri?

ABDULLAH: Saya tak dapat nak mengawal pandangan orang yang macam-macam, dikeluarkan. Bukan setakat pada peringkat Majlis Tertinggi (MT) pun, peringkat bahagian pun kata, tak payahlah, tak payah lawan ketua bahagian. Peringkat cawangan pun kata tak payah lawan ketua cawangan. Idea ini memang bercambah di merata tempat, macam-macam yang kita dengar.

Walau apa pun, kita tak boleh elak daripada pemilihan yang akan berlaku. Seperti yang saya harap, pemilihan itu berjalan

dengan sihat. Itu yang saya harap, sihat...tidak akan membawa kepada kesan buruk yang melemahkan parti kita.

Setelah mengimbas kembali selama 252 hari sebagai Perdana Menteri, apakah saat yang paling menggembirakan Datuk Seri?

ABDULLAH: Saat yang paling menggembirakan, saya pun tak tahu macam mana yang paling menggembirakan. Saya sentiasa gembira.

Mungkin kejayaan besar dalam pilihan raya umum lalu?

ABDULLAH: Mungkin kemenangan besar itu menggembirakan kepada saya, dapat balik Terengganu. Saya tak sangka. Bila saya dalam kereta, orang telefon kata Pak Lah, Terengganu dah dapat balik. Saya kata Alhamdulillah, ya Allah kita menang, saya tak sedar saya menang. Endon kata, eh *you're crying*. Air mata tanpa sedar.

Masa pilihan raya, Datuk Seri ada menyatakan bahawa wakil rakyat BN akan diminta mengemukakan laporan tiga bulan sekali. Apakah sekarang ini Datuk Seri sudah menjangka mereka semua akan berbuat demikian?

ABDULLAH: Ada yang dah hantar ke pejabat saya, ada yang hantar melalui Ketua Setiausaha Negara. Ada juga minta tangguh sikit, nak dapatkan butiran. Tak apalah. Itu bukan apa, ada kebaikannya. Satu, ia membolehkan kita tahu apa yang sudah kita usahakan. Keduanya, dia ada rekod pembangunan di kawasan itu. Ada rekod yang dibuat oleh wakil rakyat dan ini pun dapat digunakan oleh Pegawai Daerah, dapat digunakan oleh Unit Perancangan Ekonomi mengenai rekod projek pembangunan sama ada besar, sederhana atau kecil yang ada di situ. Tujuannya, ia lebih berupa maklum balas supaya kita tahu. Semua ini nanti kita guna sebagai ramuan maklumat yang boleh kita gunakan bila merancang Rancangan Malaysia Kesembilan. Banyak kelebihan berbuat demikian. - *Bernama*